



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	7 October 2015

# Firma tempatan perlu main peranan: Najib

BH-7/10/2015

● Dari muka B1

Hadhr sama ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar; Timbalan Pengerusi Khazanah Nasional Bhd, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan Pengarah Urusan Khazanah, Tan Sri Azman Mokhtar.

Perdana Menteri berkata, pelaburan lebih besar oleh sektor korporat dalam bidang inovasi adalah penting kerana mereka berdepan cabaran daripada pesaing, sama ada disedari atau tidak.

"Syarikat tempatan mempunyai kapasiti, saya mahu me-

“  
**Pelaburan lebih besar oleh sektor korporat dalam bidang inovasi adalah penting kerana mereka berdepan cabaran daripada pesaing, sama ada disedari atau tidak**”

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri

reka memainkan peranan," katanya.

Selain itu, Najib berkata perhatian juga perlu diberikan kepada sistem pendidikan kebangsaan, yang menjadi kepentingan utama serta usaha jangka panjang.

## Pelaburan minda

Katanya, meningkatkan sistem pendidikan kebangsaan, bermula dari sekolah rendah hingga institusi pengajian tinggi akan membangunkan bakat yang penting bagi mewujudkan pengetahuan serta aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang menjana nilai.

"Ia satu bentuk pelaburan minda masa depan. Sistem pendidikan kita juga perlu sentiasa berubah.

"Kita mesti memberikan perhatian kepada subjek Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) selain memupuk penguasaan bahasa Inggeris yang baik," katanya.

Perdana Menteri menambah, inovasi juga dicetuskan oleh wawasan dan kepercayaan.

Katanya, pengambilan risiko dan kreativiti adalah penting dalam sebuah ekonomi berinovasi.

"Beritahu anak dan cucu, bahawa mereka tidak sepatutnya terhad dengan apa yang mereka tahu saja, sebaliknya perlu berani berimajinasi.

"Tambahan pula, ramai pencipta hebat adalah mereka yang mengimpikan sesuatu yang mustahil. Satu-satunya had adalah imaginasi kita," katanya.